

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 19 Disember 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KETIGA 2024

Pelancongan domestik melonjak sebanyak 22.3 peratus pada suku tahun ketiga 2024, dengan merekodkan 66.3 juta pelawat

PUTRAJAYA, 19 Disember 2024 – Pelancongan domestik di Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada suku tahun ketiga 2024, merekodkan 66.3 juta pelawat dengan peningkatan sebanyak 22.3 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pelawat domestik menurun 3.2 peratus berbanding suku tahun kedua 2024.

Perbelanjaan pelancongan domestik turut menunjukkan pertumbuhan yang signifikan, mencatatkan RM25.6 bilion, meningkat 27.4 peratus tahun ke tahun. Namun begitu, perbandingan dengan suku tahun kedua 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 9.1 peratus. Statistik ini diketengahkan dalam **BULETIN SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS), SUKU TAHUN KETIGA 2024** diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, mengulas, "Sehingga September 2024, pelancongan domestik Malaysia telah merekodkan sejumlah 193.3 juta pelawat, menunjukkan peningkatan 21.8 peratus tahun ke tahun. Perbelanjaan pelancongan domestik bagi sembilan bulan pertama tahun 2024, telah mencapai RM77.8 bilion, menggambarkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 27.2 peratus tahun ke tahun."

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Khamis, 19 Disember 2024**

Prestasi berkaitan industri pelancongan pada suku tahun ketiga 2024 adalah menggalakkan, di mana nilai jualan runcit bahan api meningkat 6.3 peratus tahun ke tahun, diikuti trafik lebuhraya (+5.5%), ketibaan di lapangan terbang domestik (+3.5%) dan hasil zoo (+1.7%).


Dari segi sektor Penginapan, jumlah hasil meningkat 12.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh kadar penghunian hotel lima bintang yang meningkat 1.1 peratus, diikuti oleh hotel empat bintang (+4.2%) dan hotel tiga bintang (+0.2%). Sementara itu, kadar penghunian mengikut lokasi di bandar meningkat 3.4 peratus, berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

Secara ringkasnya, pelancongan domestik Malaysia merupakan salah satu tonggak utama ekonomi negara yang dipacu oleh pertumbuhan bilangan pelawat, perbelanjaan yang tinggi dan prestasi yang kukuh merentasi industri berkaitan pelancongan. Pertumbuhan ini dijangka berterusan, mengukuhkan kepentingan sektor ini terhadap kesihatan ekonomi keseluruhan negara.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik



Carta 2: Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
19 DISEMBER 2024**